

BAB 3

KAEDAH PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang latar belakang sekolah di mana kajian dijalankan, pemilihan sampel, instrumen kajian dan tatacara kajian. Tujuan kajian ini ialah untuk melihat tahap kesedaran kerjaya pelajar-pelajar India di sekolah menengah.

3.1 Latar Belakang Sekolah

Sekolah yang dipilih untuk kajian ini ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Hamzah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Raja Zarina. Kedua-dua buah sekolah ini terletak di Pelabuhan Klang iaitu pelabuhan terbesar di Malaysia kira-kira 45 km di arah barat Bandaraya Kuala Lumpur.

Kedua-dua sekolah ini merupakan sekolah gred A. Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Hamzah merupakan sekolah pelajar lelaki dan Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Zarina merupakan sekolah pelajar perempuan. Di kedua-dua buah sekolah ini pelajarannya terdiri pelbagai kaum yang merangkumi Tingkatan Peralihan hingga Tingkatan 5.

2.2 Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 160 orang pelajar India.. Kaedah pemilihan sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah pemilihan persampelan rawak mudah. Seramai 80 orang pelajar lelaki daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Hamzah dan 80 orang pelajar perempuan daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Raja Zarina akan dipilih sebagai sampel kajian.

Untuk mendapatkan sampel seperti yang dikehendaki, pengkaji menggunakan 'sifir nombor rawak'. Sebagai langkah pertama, pengkaji menyenaraikan keseluruhan populasi pelajar India mengikut tingkatan 3 dan 4. Setiap pelajar di tingkatan 3 Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Hamzah diberi nombor dari 01 hingga 75, diikuti dengan pelajar tingkatan 4 iaitu dari 01 hingga 58. Kemudian langkah yang sama diulangi di Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Raja Zarina di mana pelajar tingkatan 3 diagihkan mengikut nombor 01 hingga 92, manakala pelajar di tingkatan 4 pula dinomborkan dari 01 hingga 84.

Selepas menyenaraikan mereka mengikut nombor tertentu, pengkaji seterusnya memilih lajur yang mengandungi 2 digit. Kemudian pengkaji akan memilih digit daripada lajur tersebut dan memadankan dengan nombor yang diberi pada para pelajar. Proses ini akan dijalankan terus hingga didapati semua jumlah sampel yang dikehendaki iaitu seramai 40 orang dari setiap tingkatan.

Daripada 80 orang sampel yang dipilih di setiap sekolah, 40 orang sampel adalah terdiri daripada pelajar tingkatan 3 dan 40 orang sampel lagi adalah daripada tingkatan 4.

Maklumat ini dapat dilihat seperti dalam jadual berikut:

Jadual 2 : Subjek Kajian Mengikut Sekolah Dan Tingkatan

Nama Sekolah	Tingkatan	Jumlah Populasi	Jumlah Sampel Yang Dipilih	% Sampel
Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Hamzah	3	75	40	25
	4	58	40	25
Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Raja Zarina	3	92	40	25
	4	84	40	25
Jumlah		309	160	100

3.3 Instrumen Kajian

Dua set instrumen digunakan dalam kajian ini, set instrumen pertama ialah Inventori Kesedaran Kerjaya Fadale (1974). Manakala set instrumen kedua yang digunakan ialah Soal Selidik Pelajar. Berikut merupakan penerangan mengenai kedua-dua instrumen yang akan digunakan dalam kajian ini.

3.3.1 Soal Selidik Pelajar

Soal selidik ini telah digubal oleh pengkaji dan disemak oleh penyelia pengkaji. Lampiran II). Soal selidik ini digubal untuk mendapatkan maklumat demografi pelajar dan jenis pemilihan pekerjaan pelajar. Soal selidik ini dibahagikan kepada 2 bahagian.

Bahagian A

Bahagian ini mengandungi 8 item yang pelajar perlu jawab. Item-item 1 hingga 5 pelajar dikehendaki mengisikan ruang kosong. Item-item tersebut meminta pelajar menyatakan nama, tingkatan, jantina, nama sekolah dan pekerjaan ibu bapa. Bagi item-item seterusnya iaitu 6 hingga 8 pelajar dikehendaki membulatkan jawapan yang betul. Item-item yang akan dikaji ialah kelayakan akademik yang tertinggi dalam keluarga, pendapatan keluarga dan bilangan adik beradik dalam keluarga.

Bahagian B

Sebanyak 3 item terdapat dalam bahagian ini. Item-item ini bertemakan pemilihan kerjaya pelajar untuk diceburi pada masa hadapan. Item 1 meminta pelajar menyatakan sama ada pelajar telah memilih pekerjaan untuk diceburi pada masa hadapan. Untuk soalan ini terdapat 3 jenis pilihan jawapan. Item 2 pula meminta pelajar menyatakan jenis pekerjaan yang akan diceburi pada masa hadapan. Item seterusnya pelajar diminta berikan sebab memilih pekerjaan yang dinyatakan dalam item 2.

3.2 Inventori Kesedaran Kerjaya Fadale (1974a)

Inventori Kesedaran Kerjaya (Lampiran I) merupakan alat yang digunakan untuk menilai tahap kesedaran kerjaya pelajar. Menurut Fadale (1974a), alat ini amat sesuai digunakan untuk menilai tahap kesedaran kerjaya pelajar-pelajar dari gred 4 hingga 8. Dengan itu alat ini akan digunakan untuk mengukur tahap kesedaran kerjaya pelajar di tingkatan 3 dan tingkatan 4. Instrumen ini dibahagikan kepada 7 bahagian dengan sejumlah 131 item. Sejumlah 5 item daripada 131 item tersebut merupakan contoh cara menjawab. Oleh itu pelajar akan menjawab 125 item sahaja. Skor dari ketujuh-tujuh bahagian tersebut dicampurkan untuk mendapatkan jumlah skor kesedaran kerjaya pelajar. Berikut merupakan penerangan mengenai unsur-unsur khusus Inventori Kesedaran Kerjaya yang akan diuji dalam setiap bahagian inventori tersebut.

Bahagian 1

Sebanyak 63 item terdapat dalam bahagian ini. Item 1 dan 2 merupakan contoh menjawab. Pelajar dikehendaki melihat gambar dan mengenali jenis pekerjaan yang dilakukan oleh individu tertentu dalam gambar tersebut. Seterusnya pelajar dikehendaki menamakan kerjaya yang ada kaitan dengan gambar yang diberikan dalam soalan berikutnya. Sebanyak 5 pilihan jawapan diberikan. Pelajar dikehendaki menandakan jawapan yang tepat daripada senarai jawapan yang diberikan.

Bahagian II

Bahagian ini mengandungi item-item 64 hingga 70. Item 63 merupakan contoh menjawab. Dalam bahagian ini pelajar dikehendaki menyatakan jenis pekerjaan yang memerlukan kelulusan Universiti. Sebanyak 5 pilihan jawapan diberikan dan pelajar dikehendaki menandakan jenis pekerjaan yang perlukan kelulusan Universiti.

Bahagian III

Bahagian ini mengandungi sebanyak 32 item, iaitu item 71 hingga 102. Item-item tersebut akan menguji sama ada pelajar mengenali atau biasa dengan pekerjaan-pekerjaan yang dinyatakan. Terdapat hanya dua pilihan jawapan untuk bahagian ini iaitu ' Saya Biasa ' dan ' Tidak Tahu '. Pelajar dikehendaki menandakan ' Saya Biasa ' bagi jenis pekerjaan yang mereka kenali dan menandakan ' Tidak Tahu ' bagi pekerjaan yang pelajar tidak mengenali atau tidak biasa.

Bahagian IV

Bahagian ini mengandungi sebanyak 5 item, iaitu item 103 hingga 108. Bagi setiap item akan diberikan 2 gambar. Satu gambar menunjukkan jenis pekerjaan yang menghasilkan barangan manakala satu lagi gambar merupakan jenis pekerjaan perkhidmatan. Pelajar dikehendaki menandakan gambar pekerjaan yang menghasilkan barangan daripada 2 jenis pekerjaan tersebut.

Bahagian V

Bahagian ini juga mempunyai 5 item iaitu item 108 hingga item 112. Setiap item ini mempunyai dua jawapan untuk dipilih oleh pelajar. Bagi setiap item akan diberikan dua gambar yang menunjukkan jenis pekerjaan yang berlainan. Pelajar dikehendaki memilih pekerjaan yang mempunyai status tinggi daripada gambar-gambar tersebut.

Bahagian VI

Bahagian ini mengandungi sebanyak 11 item, iaitu item 113 hingga 123. Item 113 merupakan contoh menjawab. Bahagian ini akan mengukur sejauh mana pelajar dapat memilih jenis pekerjaan yang tidak termasuk dalam sesuatu jenis kumpulan pekerjaan. Pelajar dikehendaki menandakan jenis pekerjaan tersebut daripada 5 pilihan jawapan yang diberikan.

Bahagian VII

Bahagian ini mengukur sejauh mana pelajar mengetahui tentang jenis pekerjaan yang digambarkan. Terdapat 5 pilihan jawapan bagi setiap item. Pelajar dikehendaki menandakan jawapan yang betul bagi jenis pekerjaan yang ditunjukkan dalam gambar. Bahagian ini mempunyai sebanyak 8 item, iaitu item 124 hingga item 131, dengan item 124 merupakan contoh menjawab.

Kesahaan Dan Kebolehpercayaan Inventori Kesedaran Kerjaya Fadale

Fadale (1974a) telah menggunakan kaedah pembahagi dua untuk melihat kesahaan dan kebolehpercayaan Inventori Kesedaran Kerjaya. Beliau mendapati korelasi kebolehpercayaan ialah pada tahap 0.8. Manakala bagi melihat kebolehpercayaan Inventori Kesedaran Kerjaya ini, Ooi (1988) telah menggunakan kaedah pembahagi dua di mana pekali korelasi kebolehpercayaan untuk keseluruhan item dalam inventori tersebut ialah 0.8756 ($p < 0.01$) (Maznah 1992). Ia merupakan tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh itu ia digunakan dalam kajian ini untuk melihat tahap kesedaran kerjaya.

Fadale juga telah merujuk kepada tiga orang pakar yang terdiri dari bidang pendidikan rendah, pakar dalam bidang kaunseling dan pakar dalam aspek pendidikan kerjaya untuk mengukuhkan kesahaan kandungan inventori yang diciptanya.

Pengkaji akan bersama-sama penyelia akan meneliti setiap item Inventori Kesedaran Kerjaya Fadale yang akan digunakan dalam kajian. Gambar-gambar yang terdapat dalam inventori tersebut akan diubahsuai dengan budaya negara ini. Walaupun gambar-gambar diubahsuai dengan situasi negara kita, tema bagi gambar-gambar tersebut akan dikekalkan.

Cara Pemarkatan

' Teacher's Manual ' (Fadale 1974b) digunakan sebagai panduan untuk menentukan betul atau salahnya jawapan yang diberikan oleh pelajar. Jawapan yang betul diberikan 1 skor sementara bagi jawapan yang salah tidak diberi sebarang skor. Skor maksimum yang dapat diperolehi oleh seseorang pelajar ialah sebanyak 125. Ini kerana 6 daripada 131 item tersebut adalah contoh. Skor contoh tidak diambil kira apabila jumlah skor pelajar dinyatakan.

3.4 Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan mengikut prosedur yang dikehendaki oleh Kementerian Pendidikan. Setelah cadangan laporan penyelidikan diluluskan oleh Jawatankuasa Penyemak Cadangan Laporan Penyelidikan Calon Ijazah Tinggi, Fakulti Pendidikan, pengkaji telah membuat permohonan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (EPRD) di Kementerian Pendidikan (Lampiran 3) bagi mendapatkan kebenaran membuat kajian. Kebenaran yang diperolehi nanti telah dipanjangkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan (JPNS) (Lampiran 4) bagi mendapatkan kebenaran menjalankan kajian di dua buah sekolah menengah di Pelabuhan Klang.

Setelah mendapat kebenaran menjalankan kajian dari JPNS, pengkaji berhubung dengan Pengetua sekolah berkenaan untuk mendapat keizinan menjalankan kajian.

Pengkaji akan menerangkan tujuan dan instrumen yang digunakan untuk kajian yang dijalankan.

Setelah mengenalpasti pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian, pengkaji menjalankan pentadbiran instrumen kajian. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian akan dikumpulkan dalam satu bilik darjah mengikut tingkatan. Dua sesi pentadbiran instrumen kajian akan dijalankan di setiap sekolah di mana tingkatan 3 diuji dahulu dan diikuti dengan pelajar tingkatan 4. Bagi setiap sesi pentadbiran ujian sebanyak 40 orang pelajar akan terlibat.

Pentadbiran instrumen dijalankan sendiri oleh pengkaji. Pengkaji menerangkan tujuan kajian dan membacakan arahan bagi soal selidik yang akan digunakan. Pelajar-pelajar akan menjawab soal selidik pelajar dahulu dan diikuti dengan menjawab Inventori Kesedaran Kerjaya. Setelah pentadbiran soal selidik pelajar dijalankan pengkaji menguji Inventori Kesedaran Kerjaya. Pengkaji membaca arahan menjawab Inventori Kesedaran Kerjaya, dan menjawab contoh item bersama-sama dengan pelajar. Selepas itu pelajar menjawab soalan-soalan seterusnya dalam Inventori Kesedaran Kerjaya. Pentadbiran instrumen kajian ini telah mengambil masa kira-kira 45 minit bagi setiap sesi pentadbiran.

3.5 Prosedur Analisa Data

Penganalisaan data bagi 160 sampel ini dibuat dengan bantuan komputer. Perisian komputer yang digunakan oleh pengkaji ialah " Statistical Package For Social Science " (SPSS). Analisis data kajian dibuat mengikut soalan-soalan kajian.

Pengkaji menggunakan kaedah deskriptif bagi menerangkan kesedaran kerjaya, di mana min, median, sisihan piawai, skor maksimum dan skor minimum digunakan.

Ujian t digunakan bagi melihat perbezaan tahap kesedaran kerjaya di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Kaedah analisis ANOVA Sehal digunakan untuk melihat sejauh manakah terdapat perbezaan di antara tahap kesedaran kerjaya pelajar India berasaskan jenis pekerjaan ibu bapa.

Pengkaji juga menggunakan kaedah analisis ANOVA Sehal untuk melihat perbezaan di antara kesedaran kerjaya pelajar India dengan kesediaan pelajar India dalam memilih jenis pekerjaan yang akan diceburi pada masa hadapan.